

AJARAN FILANTROFIS AMALANSUNNAH : SEBUAH TELA'AH KONSEPTUAL PSIKOSPIRITUAL ISLAM

Khairil Anwar

DosenFakultas Psikologi Universitas Islam Negeri
Sultan Syarif Kasim

ABSTRACT

This paper is a contribution of Islamic Psychological Inventory (IPSI) philanthropy towards Islam. Mental Measurements have nurtured-Islam cognitive, Psychosocial of Islam and Sunnah Practice under the set IPSI to see the quality of the impulse-cognitive thinking, internalization and consistency of individual socio-religio-individual behavior that is based on the teachings of Islam is Islam. Filantrofi in the context of a meeting between the vertical relationship to the Khaliq with horizontal relations to their fellow creatures. Mental-cognitive Islam, Islam and Practice Psychosocial Sunnah which is the fusion concept of vertical and horizontal relationships in question, estimated to be highly predictive of Islamic philanthropy. Scale-cognitive mental Islam fostered by the construction 14: monotheism, justice, deliberation, congregation, a crime, sahsiah, muamalah, the perspective of Islamic law, philosophy of knowledge of Islam, Islamic economics, Islamic maintenance, safety and health of Islam, Islamic science and Islamic history. Scale psychosocial construct that is also based 10: Khalifah, the mission of Islam, the concept of Islamic prejudice, the concept of the life principle of Islam, the concept of the experience of Islam, the concept of the interests of Islam, the concept of vision of Islam, the concept of comparison, Islam, the concept of Islamic literature and Islam. When practice is based constructs sunnah is fostered deeds everyday circumcision valuable in terms of the law implementation. IPSI is one movement to produce psychometric that is based teachings of Islam, and in the same period is as an alternative psychometric psychology resulting from the west.

Keyword: Mental-cognitive of Islam, Psychosocial of Islam, Practice Sunnah, and IPSI

ABSTRACT

This paper is a contribution of Islamic Psychological Inventory (IPsI) towards islamicphilanthropic. Measurements of islamic mental-cognitive, islamic psychosocial and sunnah behavior were built under the groupIPsI to see the quality of the impulse-cognitive thinking, internalization and consistency of individual socio-religio based on the islamic teachings. Philanthropy in the Islamic context is a combination between vertical relationship to the Creator and horizontal relations to their fellow creatures. islamic mental-cognitive, islamic psychosocial and sunnah behavior, which is the concept of unity vertical and horizontal relationships, expected to be highly predictive of Islamic philanthropy. Scale of islamic mental-cognitive is built on 14 constructs are: monotheism, justice, deliberation, community, crime, Islamic personality , Islamic law perspective, the philosophy of knowledge of Islam, Islamic economics, Islamic management, safety and health ofislam, islamic sciences and the history of Islam. Scale of islamic psychosocial is based with 10 constructs: Khalifah, the mission of Islam, the concept of prejudice islam, islam lifestyle concept principle, the concept of Islamic experience, the concept of the importance of islam, islam vision concept, the islamic concept of comparison, , islamic literature and the concept of dakwah concept in Islam. While scale of the sunnahbehavior is built on practices of constructs daily value of circumcision in terms of islamic implementation. IPsI is one of the movement to produce psychometric based on the teachings of Islam, and at the same time as an alternative to the psychometric psychology of western.

Key word: *Mental-kogntif Islam, Psikososial Islam, Amalan Sunnah, dan IPsI*

Pengenalan

Al-Qur'an sebagai dasar agama Islam dan sumber spiritual Islam, di serata tempat mengungkapkan dan memberi ruang sebesar-besarnya kepada manusia untuk mengembangkan sains dan teknologi. Ternyata disebalik suruhan Al-Qur'an untuk menguasai sains dan teknologi disana terdapat pesan dan tujuan yang sebenarnya adalah mentauhidkan Allah dengan segala perkaitannya. Di antara perkaitan ketauhidan kepada Allah adalah

membebaskan manusia dari penindasan, tekanan, aristokrasi, prejudis terhadap bangsa dan keturunan. Percaya kepada nasib dan takdir buruk, dan yang penting membebaskan manusia daripada kebodohan dan kemunduran serta kemiskinan. Dalam bahasa Fazlurrahman (1983), dalam *major themes of the Qur'an* menyatakan al Qur'an mempunyai tujuan sentral untuk menciptakan sebuah struktursosial yang mantap dalam hidup di muka bumi, yang adil dan diasaskan pada akhlak. Menurut Kuntowijoyo (1999), manusia dalam Al Qur'an memiliki tiga potensi profetik (kenabian) iaitu humanisasi, liberalisasi dan transendensi yang diarahkan untuk melakukan pengkajian mendalammasyarakat dan individu menuju cita-cita sosio-etiknya pada masa hadapan.

Dunia Islam secara dasarnya, pemikir-pemikir keilmuan telah hidup dan berkembang berabad-abad lamanya. Perbincangan sikap idealogi subjektif keislaman, internalisasi keilmuan telah sebatu dengan umat Islam sejak Muhammad s.a.w di utus sebagai Rasulullah di muka bumi ini. Ajaran-ajaran Rasulullah dalam keislaman adalah ajaran yang mondial dan general untuk semua kalangan sosial-budaya dan rentas masa kehidupan manusia. Hal ini tidak berlebihan jika dijelaskan bahawa ajaran agama selain yang dibawa Muhammad s.a.w hanyalah berfokus kepada masalah sejarah dan sistem kepercayaan. Manakala Muhammad s.a.w membawa ajaran yang memiliki sistem nilai universal untuk keperluan ketamadunan manusia. Ini ditandai dengan substansi ajaran yang ada pada Al-Qur'an terdiri dari beberapa sistem nilai antaranya; tauhid kepada Allah, perundang undangan (Syariat), ilmu pengetahuan, sejarah dan falsafah. Sistem inilah yang membentuk asas-asas saintifik yang sangat inheren dengan keislaman (baca; ketauhidan).

Tidak hairan apabila dalam sejarah keilmuan Islam melahirkan tokoh-tokoh ilmuan yang menguasai sains dan keislaman secara seimbang. Pertanyaan penting akan muncul, mengapa ilmuan Islam mampu menguasai pelbagai dimensi keilmuan sama ada profane mahupun eskatologis. Seperti Ibnu Sina dan al Farbi serta lain-lain tokoh yang lain mampu menguasai ilmu falak, matematik, logika, perubatan, biologi, psikologi dan lain-lain disertai dengan kemampuan menguasai ilmu ushul fiqh, balaghah Arab dan lain-lain. Fakta ini terjadi tidak terlepas dari sistem nilai holistik yang menyeluruh yang terkandung di dalam ajaran yang di bawa oleh Muhammad, s.a.w.

Pekerjaan membangunkan paradigma ilmu berteraskan Islam adalah pekerjaan yang berhubung dengan mengembalikan semula tradisi keilmuan di dalam Islam. Usaha-usaha ke arah ini telah pun dimulai puluhan tahun yang lalu oleh cendekiawan muslim dengan gerakan yang selalu disebut dengan istilah Islamisasi ilmu. Tokoh-tokoh penting yang lahir dari gerakan ini seperti di antara yang diketahui Syed Hussein Nasr, Ismail al Faruqi, Fazlurrahman, Syed Naquib al Attas dan Wan Mohd. Nor Wan Daud(1991).

Isu Islamisasi patut dijadikan sebuah perkara penting untuk terus dikaji dan dikembangkan sebagai asas pengislaman kembali pemikiran umat Islam dari pengaruh peradaban moden yang serba sekular dan materialistik. Islamisasi mengikut takrifan Syed Naquib al Attas ialah suatu usaha terancang dan beransur-ansur yang akan menghasilkan kelompok masyarakat yang berpegang teguh kepada keseluruhan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan Masyarakat. (al Attas, dlm. Wan Mohd. Nor Wan Daud 1991). Selanjutnya dalam pandangan Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991) Al Attas lebih jauh telah merumuskan konsep Islamisasi ilmu sebagai pembebasan dari tradisi tahayul, mitos, animis, kesukuan dan kebudayaan serta pembebasan akal dan bahasa daripada

pengaruh sekularisma. Menurut al Attas, Islamisasi adalah proses dua hala; pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada kajadian asal yang fitrah. Untuk mencapai kesemua itu bagi al Attas adalah langkah Islamisasi akal dan pemikiran melalui Islamisasi bahasa.

Benar atau tidak, dunia Barat moden telah banyak mempengaruhi akal dan fikiran umat Islam. Menurut al Attas (dlm. Wan Mohd. Nor Wan Daud 1991) roh dan peribadi kebudayaan dan tamadun barat moden berteraskan dua faktor utama: Pertama, konsep dualisme yang menguasai pandangan mereka tentang realiti dan kebenaran. Konsep dualisme ini juga menyamai pelbagai -bagai aspek pemikiran dan kehidupan. Contohnya, dualisme antara akal dan jasad, dan pemisahan antara kaedah rasionalisme dengan empirisme. Ajaran humanisme, iaitu jelmaan idealogi sekularisme yang memusatkan penilaian segalanya kepada fikiran manusia. Kedua, konsep tragedi yang menyusup dalam setiap arena kehidupan baik falsafah, agama atau kesenian. Konsep ini mencerminkan jiwa tidak beriman kerana kecewa dengan agama. Konsep tragedi ini mengakibatkan mereka sering berpandu pada keraguan dan dalam proses ini falsafah telah diiktiraf sebagai alat utama menuntut kebenaran yang tidak tercapai. Dengan demikian, Islamisasi ilmu tidak bermaksud proses pengislaman ilmu itu sendiri, tetapi merujuk kepada proses pengIslaman elemen-elemen tersebut.

Instrumen Psikologi Islam

Tesis al-Attas yang paling menarik adalah langkah Islamisasi ilmu harus dimulai dari Islamisasi akal dan pemikiran melalui Islamisasi bahasa. Melalui penulisan, beliau cuba untuk merespon kepada keperluan untuk proses Islamisasi dalam bidang psikologi. Sebagaimana diketahui di dalam psikolgi sering berbicara masalah

sikap (*attitudes*), personaliti (*personalty*) dan tingkahlaku (*behavior*) (Ajzen, 2005), dan ketiga-tiga konsep ini tidak akan terlepas dari proses akal dan fikiran manusia. Akal dan fikiran manusia sangat besar pengaruhnya terhadap pembentukan sikap, personaliti dan tingkahlaku manusia.

Kerja besar yang harus dilaksanakan adalah meneliti kembali konsep-konsep, konstruk-konstruk, indikator-indikator dan definisi operasi dari keilmuan Barat yang telah kita jadikan sebagai dasar untuk membangun keilmuan dalam peradaban Islam. Rekonsepsi, rekonstruksi, dan redefinisi dari konsep barat ini adalah dalam rangka mengembalikan konsep-konsep, konstruk-konstruk, indikator-indikator dan definisi operasi tersebut kepada sumber ajaran islam. Secara khusus dalam keilmuan psikologi sangat kentara sekali pengaruhnya dari konsep barat. Beberapa konsep seperti : motivasi, daya koping (*coping skill*), estim sendiri (*self esteem*), regulasi diri (*self regulation*), sosio-kognitif, psikososial dan lain-lain. Kesemua konsep-konsep ini adalah berinduk kepada falsafah spiritual-humanisma dan sosio-materialisma. Falsafah spiritual-humanisma merujuk kepada keyakinan bahawa manusia adalah pusat dari segala kesadaran manusia. Manusalah yang paling tahu tentang manusia dan manusialah pusat segala sumber kebenaran. Dalam arti lain, ketercapaian manusia untuk mebangun peradabannya tidak ada kaitan dengan peranan wahyu dan ketuhanan. Manakala sosio-materialisma adalah merujuk kepada perubahan sosial yang melahirkan sejarah adalah dibentuk oleh sistem produksi. Dalam arti lain teknologi material adalah punca terjadinya perubahan peradaban manusia. Dengan demikian akan dapat terjawab bahawa keilmuan yang dibangun atas peradaban ini adalah sangat rapuh.

Realitanya, ilmuan islam sangat sukar untuk terlepas dari belunggu keilmuan ini. Seakan-akan Islam tidak memiliki

epistemologi dan ontologi tersendiri membangun keilmuan. Dapat dibayangkan, dalam konteks ilmu psikologi, betapa besarnya stigma ironik dirasakan selama ini, dimana konsep dan pengukuran fenomena afektif dan kognitif Islam dijelaskan dengan perwakilan konsep dan pengukuran dari Barat. Padahal konsep teoritik dan operasional dimaksud adalah bersumber dari ideologi dan budaya Barat. Logikanya apakah konsep dan alat tersebut sesuai untuk mengukur suatu budaya masyarakat dengan alat yang diambil dari budaya masyarakat lainnya?

Pembinaan Instrumen Mental-Kognitif Islam, Psikososial Islam Dan Amalan Sunnah

Sehubungan dengan tema seminar ini adalah berbicara filantropi Islam, maka penulis menawarkan tiga konsep untuk mencoba membantu mengukur sebagai salah satu penanda aras filantropi Islam. Tiga konsep ini adalah Mental-Kognitif Islam, Psikososial Islam Dan Amalan Sunnah. Tiga konsep ini telah diberi definisi konsep dan definisi operasi berdasarkan sumber ajaran Islam yaitu al-Qur'an dan Sunnah. Tiga konsep ini cuba mewakili konsep kognitif, afektif dan psikomotorik Islam. Mental-Kognitif Islam mewakili konsep kognitif Islam, Psikososial Islam mewakili afektif Islam Dan Amalan Sunnah mewakili konsep psikomotorik Islam (*islamic behavior*). Konsep ini telah pun dibina dalam bentuk psikomotorik dan laporan kendiri (*self report*). Untuk lebih jelasnya tiga konsep dimaksud akan dijelaskan secara lebih rinci dalam konteks definisi konsep.

Definis Konsep Mental-Kognitif Islam

Dalam sebahagian besar literatur sering menyamakan makna antara mental dan kognitif. Kedua konsep ini selalu dimaksudkan dengan erti berfikir. Penyamaan makna kedua konsep ini tidak

diketepikan, kerana memang keduanya merujuk kepada proses manusia berfikir. Lebih jauh apabila kedua konsep ini disusuri secara mendalam, maka didapati titik perbezaan untuk menerangkan proses manusia berfikir.

Kognitif secara umum adalah suatu proses yang lebih mengarah kepada proses penemuan suatu maklumat atau pengenalan kembali suatu maklumat. Ini bermakna kognitif adalah suatu proses kemampuan manusia berfikir untuk mengenali dan menemukan maklumat sama ada yang bersumber daripada dalaman manusia mahupun yang bersumber daripada luaran manusia atau faktor persekitaran. Manakala mental adalah motor penggerak dan abstraksi dari proses kognitif yang menghubungkan pola-pola berfikir dengan alam kesedaran manusia, iaitu manusia sedar bahawa sedang terjadi proses berfikir yang pada akhirnya kegiatan mental inilah yang akan menjadi titik utama dalam penyelesaian masalah. Jadi dapat dikatakan bahawa mental-kognitif adalah proses kecerdasan seseorang menangani masalah dari input-input luaran dan dalaman manusia.

Sebagai perbandingan sandaran Teori Cattell (1963) telah dirujuk berhubung organisasi mental, beliau mengklasifikasikan kemampuan mental menjadi dua jenis, iaitu inteligensia *fluid* yang merupakan faktor semula jadi *biological* manakala kecerdasan *crystallized* yang merefleksikan adanya pengaruh pengalaman, pendidikan, budaya dan kebiasaan dalam diri seseorang individu. Menerusi Teori Cattell ini berkemungkinan dapat di analogikan proses mental-kognitif adalah berlangsung dari dua jenis kemampuan mental di atas. Ertinya secara semula jadi (*fluid*) setiap orang telah menggunakan potensi mental-kognitif untuk memproses cara berfikir, manakala kualiti mental-kognitif bergantung kepada persekitaran (*crystallized*). Tahap mental-kognitif yang baik akan mempengaruhi cara seseorang individu

untuk dapat memahami dan menyelesaikan masalah dengan baik. Seiring dengan ini, Mohammad Saleh (2007) menggambarkan bahawa kemampuan kognitif seseorang yang beramal dengan ikhlas, sangat berpengaruh terhadap pola *coping* seseorang individu untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Dengan demikian menurut Saifuddin Azwar (1996) inteligensia *crystallized* dapat dipandang sebagai inti pati pengalaman yang terjadi sewaktu inteligensia *fluid* bercampur dengan apa yang disebut inteligensi budaya. Inteligensia *crystallized* akan meningkat dalam diri seseorang, seiring dengan bertambahnya pengalaman. Dengan kata lain, tugas-tugas kognitif adalah sebagai keterampilan dan kebiasaan yang telah mengkristal akibat pengalaman sebelumnya, seperti banyaknya menguasai kosa kata, pengetahuan, kebiasaan penakulan dan pelbagai hal yang berhubungan dengan semua yang akan meningkatkan inteligensia dimaksudkan.

Pemahaman Mental-kognitif dari teori Cattell di atas, membawa sebuah implikasi yang positif terhadap mengkristalnya mental-kognitif dalam menyelesaikan masalah. Dalam konteks kajian ini akan memberi pengaruh besar terhadap pengetahuan dan pengalaman keagamaan. Justeru, mental-kognitif Islam dapat dikatakan sebagai istilah khusus yang digunakan untuk melihat pola-pola dan cara berfikir seseorang individu tentang kualiti pengetahuan, pemahaman dan pengamalan tentang keislaman, atau dapat juga dikatakan mental-kognitif Islam adalah cara berfikir umat Islam dalam memandangi diri dan persekitarannya.

Oleh itu, berdasarkan definisi kognitif dan definisi mental yang di terokai, maka istilah mental-kognitif Islam didefinisikan sebagai suatu struktur dalaman manusia yang melahirkan persepsi, introspeksi, memori, kreativiti, imaginasi, konsepsi, keyakinan, penakulan, kemahuan, dan emosi sebagai suatu kesatuan cara

berfikir yang berteraskan Islam. Selanjutnya, untuk mengukur tahap mental-kognitif Islam remaja yang melakukan salah laku, maka istilah ini dioperasionalkan daripada domain-domain yang diambil konstruknya bersandarkan ajaran Islam, seperti berikut ini :Pertama; ilmu ketauhidan yang dibentuk dari konstruk rukun iman, hakikat yang pertama, keesaan yang mutlak, kesempurnaan tertinggi qada dan qadar, amal sendi keimanan, iman dan dosa, pertikaian, nubuwah, kekekalan atau keabadian, tauhid merupakan tapak kebahagiaan, tauhid merupakan tapak bagi akhlak yang mulia, tauhid merupakan tapak bagi ketenangan jiwa dan batin, tauhid membebaskan jiwa dari pengaruh kekuasaan orang lain, tauhid menumbuhkan keyakinan tentang rezeki, tauhid memberikan kehidupan yang baik, hakikat syirik dan anasir-anasirnya dan tauhid dan amar ma'ruf nahi munkar. Kedua; hukum Islam iaitusumber hukum Islam, arkanul Islam, konsep thoharoh, konsep hukum, konsep keadilan, konsep syura, konsep jama'ah, konsep jenayah, konsep sahsiyah, konsep muamalah, konsep mu'asyarah, Islam dan hukum universal, konsistensi dan fleksibiliti hukum islam. Ketiga; konsep pengetahuan Islam iaitu Al Qur'an dan ilmu pengetahuan, hadis dan ilmu pengetahuan, ekonomi Islam, pengurusan Islam, konsep kesihatan dan keselamatan islam, sains Islam, modenisasi Islam, tokoh saintis Islam, kemajuan sains Islam, sains dan materialisma, sains dan westernisma. Keempat; sejarah Islam iaitufalsafah sejarah, sejarah dan kepentingan dakwah, sejarah dalam Al Qur'an, sejarah rasul, sejarah sahabat, sejarah peradaban Islam, sejarah tokoh kontemporari Islam, sejarah konflik dalam Islam.

Definisi Konsep Psikososial Islam

Secara umum psikososial ini terdiri dari dua perkataan, iaitu psikis dan sosial. Psikis adalah merujuk kepada keadaan keadaan

kejiwaan seseorang, manakala sosial adalah bermakna suatu arena kehidupan manusia yang saling berhubungan antara individu dengan individu dan individu dengan masyarakat dalam suatu pranata tertentu. Kejiwaan dan sosial ini adalah saling mempengaruhi. Demikian pula di dalam kamus, psikososial didefinisikan sebagai “*relating to the combination of psychological and sosial behavior*“ (www.yourdictionary.com). Ini bermakna kualiti sosial akan dipengaruhi oleh kejiwaan individu dan pada masa yang sama kualiti kejiwaan individu dipengaruhi oleh keadaan sosial.

Menurut Smet (2008), psikososial didefinisikan sebagai hubungan yang dinamik antara psikologis dan pengaruh sosial dan di antara keduanya saling mempengaruhi. Kedua, komponen tersebut merupakan hal yang penting untuk proses perkembangan individu. Gangguan psikososial terjadi apabila terdapat ketidakseimbangan antara kedua komponen di atas yang menyebabkan perubahan dalam kehidupan. Dalam beberapa kajian memperlihatkan tingkah laku sosial bermasalah seperti: kebergantungan (*dependency*), terlalu menurutkan perasaan (*extrem impulsiveness*), dan kelemahan dalam melihat sesuatu permasalahan (*poor perspective*) adalah akibat jangka panjang yang disebabkan oleh ciri-ciri lemahnya psikososial seseorang (Grisso, Vincent & Seagrave 2005).

Menurut WHO (2002 dalam Sarwono 1998), psikososial didefinisikan sebagai hubungan yang dinamik antara psikologi dan pengaruh sosial dan di antara keduanya saling mempengaruhi. Kedua-dua komponen tersebut merupakan hal yang penting untuk proses perkembangan, hal tersebut akan beriringan dengan proses pertumbuhan dan maturasi, sehingga psikososial akan berubah sesuai dengan perubahan pertumbuhan dan perkembangan individu. Menurut Sarwono (1998) beberapa faktor yang termasuk

dalam Psikososial antara lain persepsi, motivasi (motif), kepercayaan dan adanya interaksi sosial. Keempat faktor tersebut merupakan unsur-unsur yang tidak terlepas dalam diri individualisme proses perkembangan dan perilaku, termasuk dalam perilaku kesehatan yaitu dalam mengatur pola makan seimbang dan sehat. Menurut Rahmat (2009), unsur-unsur yang termasuk dalam psikososial (psikologi sosial) adalah unsur persepsi, motif atau motivasi diri, kepercayaan diri dan sokongan keluarga dan sokongan sosial serta norma-norma yang berlaku dalam masyarakat.

Psikososial sebagai istilah yang difokuskan untuk mempelajari dan menerangkan tingkah laku individu sebagai fungsi dari rangsangan-rangsangan psikologikal dan sosial, maka psikososial Islam dapat dirumuskan definisinya sebagai suatu pandangan yang melibatkan persepsi, motivasi, kepercayaan dan interaksi sosial yang berasaskan ajaran Islam untuk melihat suatu permasalahan sosial yang akan mempengaruhi atribut tingkah laku individu di dalam masyarakat. Untuk mengukur tahap psikososial Islam remaja yang melakukan salah laku, istilah ini dioperasionalkan dengan domain-domain seperti berikut: Pertama; instrinsik Islam: mengenali konsep khalifah, mengenali konsep keunggulan diri, mengenali misi, membangun misi, menciptakan wawasan, komitmen, jati diri, kecerdasan, cita-cita, keberuntungan, kreativiti, obsesi dan ibadah. Kedua; sikap dan sudut pandang sosial iaitu prasangka, saling percaya, saling mendukung, koperatif, terbuka, performa terbaik, defensif, tertutup, menahan informasi (terdiri dari: non-koperatif dan performa turun), prinsip-prinsip hidup (terdiri dari: spiritual kapital dan material kapital), pengalaman (terdiri dari: positif dan negatif), kepentingan (terdiri dari: jangka panjang dan jangka pendek), sudut pandang (wisdom) berdasarkan aturan dari Allah swt dan RasulNya, perbandingan

(standard nilai tinggi, standard nilai rendah, objektif dan subjektif), dan literature (terdiri daripada agama, falsafah dan ilmu). Ketiga; dakwah dan nilai diri iaitu iman dan yakin yang betul, istikhlas, ihsan (tawajuh), ihtisab, ikhlas (redha), mujahadah nafsi, yakin pada kalimat thoyyibah, solat khusyu', ilmu ma'a zikir, ikromul muslimin, tashihunniyat dan dakwah wat tabligh.

Definisi Konsep Amalan Sunnah

Said Ishak (2003) menjelaskan bahawa dalam Islam ada lima hukum *taklifi* yang dirujuk kepada umur yang *mukalaf* sebagai batasan hukum suatu amalan, antara lain; wajib, sunat, haram, makruh dan mubah. Definisi *wajib* iaitu suatu perbuatan yang apabila dikerjakan mendapatkan pahala dan apabila ditinggalkan mendapatkan siksa. Sebagai contohnya solat fardu, puasa Ramadan, mengeluarkan zakat, haji dan lain-lain lagi. Wajib ini menunjukkan perintah yang tetap. *Sunnah* iaitu suatu perbuatan yang apabila dikerjakan mendapat pahala, dan apabila ditinggalkan tidak mendapat siksa. Sebagai contohnya solat tahiyatul masjid, solat dhuha, puasa Isnin dan Khamis dan sebagainya. Sunnah ini menunjukkan perintah yang tidak tetap. *Haram* iaitu suatu perbuatan yang apabila ditinggalkan mendapat pahala dan apabila dikerjakan mendapat siksa. Sebagai contohnya minum arak, berbuat zina, mencuri, dan lain sebagainya. Haram ini menunjukkan larangan yang tetap. Manakala *makruh* iaitu suatu perbuatan yang apabila ditinggalkan mendapat pahala, dan apabila dikerjakan tidak mendapat siksa. Seperti mendahulukan yang kiri atas kanan saat membasuh anggota badan dalam wuduk. Makruh ini menunjukkan larangan yang tidak tetap. *Mubah* iaitu suatu perbuatan yang apabila dikerjakan atau ditinggalkan sama saja tidak mendapat pahala atau siksa. Sebagai contohnya makan, minum. Mubah ini tidak menunjukkan perintah yang tetap atau

yang tidak tetap dan tidak menunjukkan larangan tetap atau larangan tidak tetap.

Definisi sunnah di atas memberikan pengertian bahawa amalan sunnah adalah amalan yang tidak wajib untuk diamalkan namun sangat digalakkan untuk melaksanakannya. Nilai amalan wajib dan amalan sunnah, dalam konteks psikologi, ulama berpandangan bahawa amalan wajib diibaratkan Allah s.w.t yang mendatangi manusia manakala amalan sunnah diibaratkan manusia yang mendatangi Allah s.w.t. Terdapat beberapa amalan sunnah apabila ditinggalkan ia akan jatuh pada hukum makruh, dan apabila amalan makruh ini sengaja dan dibiasakan melaksanakannya seperti ia menyelisir dan menentang Allah dan Rasulnya.

Demikian pula hukum sesuatu perbuatan yang pada mulanya *mubah*, seperti makan, minum, kenderaan, seks atau seluruh kegiatan yang berhubung dengan keperluan semula jadi manusia, akan menjadi nilai amalan sunnah apabila dikerjakan mengikut tatacara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Dengan demikian terjadilah psikologisasi amalan sunnah untuk membentuk tingkah laku manusia yang pada mulanya bersifat impuls-instinktif biasa menjadi tingkah laku bersifat impuls-kognitif yang bermakna.

Bersandarkan definisi konsep amalan sunnah di atas, secara operasional kajian ini akan diukur dengan konstruk amalan-amalan sunnah, sama ada sunnah *mahdhoh* seperti solat sunat, puasa sunat dan lain-lain, mahupun sunnah *ghoiru mahdhoh* yang dilaksanakan dalam amalan yang hukum asalnya mubah. Indikator-indikator yang dibina dalam pengukuran ini adalah tertumpu kepada pengukuran tingkah laku. Alat ini diberi nama *self-report sunnah behavior*.

Konsep Operasional Pengukuran Mental-Kognitif Islam Dan Psikososial Islam

Pembinaan instrument mental-kognitif Islam dan psikososial islamini bermula dari falsafah, konsep dasar dan kerangka konseptual Mental-Kognitif Islam dan Psikososial Islam. Prosedur dan proses yang dilalui dalam penyusunan alat ukur yang dimaksud adalah sebagai berikut :

Sumber Domain Instrumen

Adapun sumber konstruk yang mendasari instrument ini adalah sistem nilai yang terkandung di dalam al-Qur'an iaitu :

1. Tauhid kepada Allah
2. Perundang undangan (Syariat/hukum Islam)
3. Ilmu pengetahuan
4. Sejarah
5. Falsafah

Manakala untuk menerjemahkan lima nilai yang terkandung dari Al-Qur'an ke arah konsep kecerdasan kognitif dan sosial diambil beberapa konsep kecerdasan di dalam al-Qur'an yang dianggarkan akan membentuk mental-kognitif Islam dan psikososial Islam. Adapun konsep kecerdasan dimaksud iaitu :

1. Kecerdasan *ikhbat*
2. Kecerdasan zuhud
3. Kecerdasan *wara` (al-war*
4. Kecerdasan mengharapkan kebaikan (*al-raja`*)
5. Kecerdasan *ri'ayah* (al-ri'ayah),
6. Kecerdasan muraqabah
7. Kecerdasan ikhlas (*al-ikhlas*)
8. Kecerdasan *istiqamah* (*al-istiqamah*)
9. Kecerdasan tawakal (al-tawakkal),
10. Kecerdasan sabar (*al-sabr*),
11. Kecerdasan reda (*al-reda*),
12. Kecerdasan syukur (*al-shukr*),
13. Kecerdasan malu (*al-haya*),

14. Kecerdasan jujur (*al-sidq*)
15. Kecerdasan mementingkan atau mendahulukan kepentingan orang lain (*al-ithar*).
16. Kecerdasan *tawadu'*
17. Kecerdasan *murua'ah*
18. Kecerdasan dalam menerima apa adanya atau seadanya (*qanaah*).
19. Kecerdasan *takwa*.

Domain Instrumen Mental-kognitif islam dan Psikososial islam

Berdasarkan sumber domain di atas maka ditetapkan ada 4 (empat) domain untuk membentuk mental-kognitif islam yaitu :

1. Tauhid
2. Hukum Islam
3. Pengetahuan Islam
4. Sejarah Islam

Berbeda dengandomain mental-kognitif Islam, -domain psikososial Islam- selain dibina berdasarkan lima prinsip Al-Qur'an dan konsep kecerdasan Al-Qur'an di atas, juga dibina berdasarkan beberap konsep sosial Islam yang ditawarkan oleh ilmuan Islam terdahulu mahupun kontemporer, seperti Imam al-Ghazali, Syaikh Yusuf al-kandahlawi dan Ary Ginanjar. Adapun domain psikososial Islam dimaksud adalah :

1. Instrinsik Islam
2. Sikap sosial Islam
3. Dakwah dan nilai diri

Walaubagaimanapun domain psikososial Islam ini tidak bertentangan dengan prinsip Al-Qur'an dan konsep kecerdasan Al-Qur'an. Bahkan pengukuran psikososial Islam ini adalah perwujudan dari mental-kognitif Islam seseorang individu secara sosial.

Konstruk Instrumen Mental-Kognitif Islam

Setelah ditetapkan domain instrumen selanjutnya ditetapkan pula konstruk instrumen. Dalam instrumen mental-kognitif Islam, domain tauhid dan domain sejarah Islam tidak memiliki konstruk manakala domain tauhid dan sejarah Islam terus dibentuk melalui indikator-indikator (item pertanyaan). Seterusnya, domain hukum Islam dan pengetahuan Islam memiliki beberapa konstruk, iaitu :

1. Domain Hukum Islam, terdiri dari konstruk :
 - a. Keadilan
 - b. Musyawarah
 - c. Jemaah
 - d. Jenayah
 - e. Sahsiah
 - f. Muamalah
 - g. Perspektif Hukum Islam

2. Domain Pengetahuan Islam, terdiri dari konstruk
 - a. Falsafah Pengetahuan Islam
 - b. Ekonomi Islam
 - c. Pengurusan Islam
 - d. Keselamatan dan kesihatan Islam
 - e. Sains Islam

Namun di dalam keperluan analisis dan generalisasi terhadap dapatan kajian domain tauhid dan domain sejarah Islam, secara keseluruhan akan disebut juga sebagai konstruk mental-kognitif Islam. Justeru, bersamaan dengan konstruk Hukum Islam dan konstruk Pengetahuan Islam, maka pembentuk alat pengukuran mental-kognitif Islam adalah berjumlah 14 konstruk.

Konstruk Instrumen Psikososial Islam

Dalam instrumen psikososial Islam, domain dakwah dan nilai diri tidak memiliki konstruk kerana domain dakwah dan nilai diri terus dibentuk melalui indikator-indikator (item pertanyaan). Manakala domain instrinsik Islam dan sikap sosial Islam memiliki beberapa konstruk, iaitu :

Domain instrinsik Islam, terdiri daripada konstruk :

- a) Khalifah
- b) Misi Islam

Domain Sikap sosial Islam, terdiri dari konstruk :

- a) Konsep prasangka Islam
- b) Konsep prinsip hidup Islam
- c) Konsep pengalaman Islam
- d) Konsep kepentingan Islam
- e) Konsep visi Islam
- f) Konsep perbandingan Islam
- g) Konsep literatur Islam

Sebagaimana dalam pengukuran mental-kognitif Islam, domain dakwah dan nilai diri, secara keseluruhan akan disebut juga sebagai konstruk psikososial Islam. Dengan demikian pembentuk alat pengukuran psikososial Islam adalah berjumlah 10 konstruk.

Kajian Yang Telah Dijalankan

Konsep dan alat ukur yang telah dibina ini telah dilakukan dalam beberapa kajian dalam konteks model kawalan diri pesalah laku remaja, model kawalan diri belia dalam pembinaan HALUAN Malaysia dan Kajian remaja dalam pusat pemuliahan tunas bakti. Dapatan kajian memperlihatkan alat ukur ini memberi tidak balas yang positif. Salah satu dapatan kajian adalah terhasilnya model kawalan diri pesalah laku remaja dalam rekabentuk *post facto* (2013), seperti dalam dapatan berikut :

Skor Umum Konstruk Mental-Kognitif Islam


Berdasarkan jadual 1, menunjukkan konstruk yang terdapat di dalam mental-kognitif Islam dan skor yang diperolehi. skor yang diperolehi oleh konstruk tersebut ialah tauhid (57.24), keadilan (57.50), musyawarah (56.67), jemaah (50.00), jenayah (70.13), sahsiah (53.60), muamalah (66.67), hukum Islam (49.40), pengetahuan Islam (51.11), ekonomi Islam (49.44), pengurusan Islam (50.87), keselamatan dan kesihatan Islam (50.00), sains Islam (53.67) dan sejarah Islam (40.26).

Jadual 1 Konstruk Mental-Kognitif Islam

Konstruk Mental-Kognitif Islam	Skor
Tauhid	57.24
Keadilan	57.50
Musyawarah	56.67
Jemaah	50.00
Jenayah	70.13
Sahsiah	53.60
Muamalah	66.67
Hukum Islam	49.40
Pengetahuan Islam	51.11
Ekonomi Islam	49.44
Pengurusan Islam	50.87
Keselamatan dan kesihatan Islam	50.00
Sains Islam	53.67
sejarah Islam	40.26

Rajah 1 memperlihatkan bahawa skor konstruk mental-kognitif Islam yang paling rendah dicapai adalah sejarah Islam (40.26). selanjutnya adalah hukum Islam, ekonomi Islam, jemaah, keselamatan dan kesihatan Islam, pengurusan Islam,

pengetahuan Islam, sahsiah, sains Islam, musyawarah, tauhid, keadilan muamalah. Manakala skor Jenayah (70.13) menempati skor yang tertinggi.



Rajah 1 Konstruk Mental-Kognitif Islam


Skor Umum Konstruk Psikososial Islam

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan konstruk yang terdapat di dalam psikososial Islam dan skor yang diperolehi. Skor yang diperolehi oleh konstruk tersebut ialah khalifah (skor 43.33), misi Islam (skor 48.82), prasangka Islam (skor 45.79), prinsip hidup Islam (skor 44.26) pengalaman Islam (skor 41.90), kepentingan Islam (skor 44.13), visi Islam (skor 50.89), pembeding Islam (skor 42.17), literatur Islam (skor 52.08) dan dakwah (skor 48.04).

Jadual 2 Konstruk psikososial Islam

Konstruk Psikososial Islam	Skor
Konsep khalifah	43.33
Konsep misi Islam	48.82
Konsep prasangka Islam	45.79
Konsep prinsip hidup Islam	44.26
Konsep pengalaman Islam	41.90
Konsep kepentingan Islam	44.13
Konsep visi Islam	50.89
Konsep pembeding Islam	42.17
Konsep literatur Islam	52.08
Konsep dakwah	48.04

Rajah 2 memperlihatkan bahawa skor konstruk psikososial Islam yang paling rendah dicapai adalah konsep pengalaman Islam dengan skor 41.90. Selanjutnya adalah konsep pembeding Islam (skor 42.17), konsep khalifah (skor 43.33), konsep kepentingan Islam (skor 44.13), konsep prinsip hidup Islam (skor 44.26), konsep prasangka Islam (45.79), konsep dakwah (48.04), konsep misi Islam (skor 48.82), dan konsep visi Islam (skor 50.89). Manakala skor konsep literatur Islam mendapat skor yang tertinggi iaitu skor 52.08.



Rajah 2 Konstruk psikososial Islam pesalah laku remaja

Jadual 3 Keterhubungan mental-kognitif Islam, psikososial Islam dan amalan sunnah dengan kawalan diri

Pembolehubah bebas	Kawalan	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Mental Kognitif	.246**	.000
PsikoSosial	.579**	.000
Sunnah	.364**	.000

Berdasarkan Jadual 3, dengan menggunakan ujian korelasi pearson, dapatan memperlihatkan terdapat mental-kognitif Islam dengan kawalan diri ($r=.246$, $p<0.05^*$), psikososial Islam dengan Kawalan diri ($r=.579$, $p<0.05^*$), dan amalan sunnah dengan kawalan diri ($r=.364$, $p<0.05^*$). Dan alat ini juga bertindak balas dengan ujian perbandingan antararemajadalam pusat pemulihan dan remaja yang sekolah di sekolah kebangsaan, dapatannya sebagai berikut :

Jadual 4 Perbandingan mental-kognitif Islam, psikososial Islam dan amalan sunnah remaja pesalah laku dan remaja biasa

Pembolchubah	Remaja	N	Min	SP	dk	t	P
Mental-kognitif	Pesalah laku	474	246.52	21.02	594	-7.681	.000
	Remaja biasa	122	262.30	16.81			
Psikososial Islam	Pesalah laku	462	327.06	39.75	575	-3.681	.000
	Remaja biasa	115	341.72	31.19			
Amalan sunnah	Pesalah laku	468	88.09	21.82	584	-6.221	.000
	Remaja biasa	118	101.27	14.46			

Dengan menggunakan ujian t, hasil dapatan dalam Jadual 4 memperlihatkan terdapat perbezaan mental-kognitif Islam antara responden remaja biasa (min=246.52) dan pesalah laku remaja (min=262.30), di mana nilai $t=-7.681$ dengan $p<0.05$. Demikian juga terdapat perbezaan psikososial Islam antara responden remaja biasa (min=327.06) dan pesalah laku remaja (min=341.72), di mana nilai $t=-3.681$ dengan $p<0.05$ serta terdapat perbezaan amalan sunnah antara responden remaja biasa (min=88.09) dan pesalah laku remaja (min=101.27), di mana nilai $t=-6.221$ dengan $p<0.05$.

Kesimpulan

Domain yang diketengahkan sebagai pembentuk mental-kognitif Islam seperti tauhid, hokum Islam, Pengetahuan Islam dan sejarah Islam dan domain pembentuk psikososial Islam seperti instrinsik Islam, sikapsosial Islam dan dakwah merupakan asas psikologikal umat Islam. Domain-domain ini berimplikasi secara individual mahupun sosial. Juga konsep amalan sunnah yang dioperasionalkan sebagai suatu amalan yang hukumnya tidak wajib namun sangat dianjurkan, merupakan suatu proses psikologis asi untuk membentuk tingkah laku manusia yang pada mulanya bersifat impuls-instinktif biasa menjadi tingkah laku bersifat impuls-kognitif yang bermakna sebagai salah satu penanda aras filantropi Islam.

DAFTAR PUSTAKA

- Ajzen, I. 2002. Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32, 665–683.
- Grisso, T., Vincent, G. & Seagrave, D. (Ed). 2005. *Mental health screening and assessment in juvenile justice*. New York: Guilford.
- Kuntowijoyo. 2008. *Paradigma Islam: Interpretasi untuk aksi*. Bandung: PT MizanPublika.
- Mohammad Salleh. 2007. *Terapi Solat Tahajud*, Millennia, Jakarta
- Rahman, Fazlur, 1999. *Major themes of the Qur'an*, Kuala Lumpur : Islamic Book Trust.
- Rahmat Dede. 2009. *Pengantar Psikologi Untuk Tenaga Kesehatan: Ilmu Perilaku Manusia*. Surabaya: Trans Info Media.
- Saifuddin Azwar. 1996. *Psikologi Intelegensi*. Yogyakarta : Pustaka Belajar
- Sarwono, S. W. 1998. *Psikologi sosial; individu dan teori-teori psikologi sosial*. Jakarta: PT. Balai Pustaka.
- Smet, A. D. (Ed). 2008. *Transportation accident analysis and prevention*. New York: Nova Science Publishers Inc.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan budayailmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1998. *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in developing country*. London: Mansell Publishing Limited.